

25 MAY 2001

PRESIDEN VENEZUELA LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Presiden Venezuela Hugo Chavez akan tiba di sini Isnin ini untuk melakukan lawatan dua hari ke Malaysia bagi membincangkan hubungan dua hala dan isu antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kenyataan Wisma Putra hari ini menyatakan bahawa Chavez akan diiringi tiga menteri. Mereka ialah Menteri Luar, Menteri Sains Dan Teknologi dan Menteri Perancangan Dan Pembangunan.

Semasa lawatan itu, pemimpin Venezuela itu akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir juga akan mengadakan jamuan tengah hari untuk Chavez.

Chavez Juga dijadual menghadiri mesyuarat dengan pemimpin perniagaan dalam industri kelapa sawit untuk membincangkan kerjasama bagi memajukan industri kelapa sawit Venezuela.

Selepas lawatan ke negara ini, Chavez akan ke Jakarta untuk menghadiri mesyuarat G-15.

-- BERNAMA

RV RV NMO